

# Thai nafi ada tekanan terhadap Australia

SINGAPURA, Khamis — Thailand hari ini bertindak untuk meredakan sengketa antara Australia dan Asean, sedang Malaysia dan Singapura menyatakan rasa terkejut dan bimbang mereka terhadap dakwaan Canberra bahawa Asean mendesaknya mengubah dasarnya mengenai Kampuchea.

Duta Thailand, Jetn Sucharitkul membincang

sengketa itu dengan Perdana Menteri Bob Hawke dan kemudian berkata: "Kami memberi jaminan pada Perdana Menteri itu bahawa Thailand tidak pernah berniat mengenakan tekanan ke atas Australia."

Sengketa itu tercetus bulan lalu bila Australia enggan menyokong usul Asean mengenai Kampuchea di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan berkata ia juga bererti menyokong Khmer Rouge yang bertanggungjawab menyebabkan kematian beratus

ribu rakyat Kampuchea ketika ia berkuasa di bawah Pol Pot dari tahun 1975 hingga 1979.

Para pegawai kanan Singapura menganggap tindakan Australia itu sebagai tidak wajar dan Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie berkata "Kami tidak pernah bergantung pada Australia."

Indonesia dan Filipina, tidak membuat sebarang ulasan mengenai sengketa itu, tetapi akhbar-akhbar Thai dan Indonesia monasihatkan Asean jangan mengambil tindakan terburu-buru dan mengesaa mere-

ka membiarkannya reda untuk memulihkan semula hubungan yang terjerjas itu.

Asean membatalkan runtingan tahunan peringkat rasminya dengan Australia yang dijadualkan bulan lalu dan sidang para Menteri Luar Asean di Jakarta, Isnin lalu memutuskan mereka tidak akan menyambung dialog itu selagi Hawke tidak memberi penjelasan yang memuaskan bila beliau melawat Bangkok 19 November ini.

Tetapi, Tan Sri Ghazali berkata di Kuala Lumpur hari ini, tidak perlu diteruskan penggantungan dialog itu.

"Kami memina mereka menganjur bersama usul itu kerana banyak dakwaan di Australia mereka adalah sebahagian rantau ini," jelasnya.

Di Singapura, para pegawai kanan kerajaan menyatakan bimbang mereka bahawa Menteri Luar Australia, Bill Hayden, menunjukkan selaran hebatnya ke atas Supplih Dhanabalan, di Parlimen semalam.

Hayden berkata, kenyataan Dhanabalan bahawa Australia cuba sedaya upaya untuk menyenangkan hati Vietnam adalah menyakitkan hati dan cuba "menggunakan tekanan" untuk menentukan dasar Australia.

## Terkejut

Kerajaan Australia juga memanggil kelima-lima Duta Asean di Canberra untuk menyampaikan rasa kurang senangnya terhadap pendirian Asean itu. Surat bantahan rasmi juga disampaikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Singapura.

"Kami terkejut dengan sambutan keras Australia itu, walhal ia sebenarnya adalah satu usaha untuk meredakan isu itu di Jakarta," kata seorang pegawai tinggi Singapura.

Kementerian Luar Indonesia enggan mengulas dengan berkata ia tidak menerima laporan dari kedutaannya di sana. Tetapi akhbar *Jakarta Post* hari ini berkata kedua-dua pihak memerlukan masa untuk bertenang dan mencari lkhltiar "menyelamatkan mereka dari mendapat malu." — Reuter.

Bahan asal dari Akhbar  
Negara Malaysia